

TARIKH: 2 MEI 2022  
SURAT KHABAR: BERITA HARIAN  
MUKA SURAT: 2

## Malaysia komited hapus buruh paksa

**Putrajaya:** Malaysia komited menghapuskan amalan buruh paksa di negara ini selaras Protokol 29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Pada masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ratifikasi itu juga adalah tindakan proaktif kerajaan dalam memastikan produk keluaran negara tidak dikenakan sekatan dalam pasaran antarabangsa.

“Kerajaan bertegas dalam melindungi hak pekerja tempatan dan asing terutamanya isu berkaitan buruh paksa.

“Sehubungan itu, kerajaan sudah meratifikasi Protokol 29 ILO sebagai bukti komitmen kerajaan untuk menghapuskan buruh paksa di negara ini,” katanya dalam Perutusan Khas Sempena Hari Pekerja 2022 yang disiarkan

secara langsung melalui stesen televisyen *RTM*, semalam.

Ismail Sabri berkata, ratifikasi ini satu tindakan proaktif kerajaan dalam memastikan produk dan barangan Malaysia tidak lagi dikenakan sekatan masuk ke pasaran antarabangsa ekoran dakwaan menggunakan buruh paksa dalam pengeluaran barangan negara ini.

Beberapa syarikat Malaysia sebelum ini dilaporkan telah diselidiki susulan dakwaan berlakunya perbuatan buruh paksa sejak dua tahun lalu sebelum dilarang menjual produk masing-masing di Amerika Syarikat (AS).

Antara syarikat yang dinamakan adalah *YTY Industry Holdings Sdn Bhd*, *Brightway Group*, *Smart Glove*, anak syarikat *Supermax Corporation*

*Bhd* (*Maxter Glove Manufacturing Sdn Bhd*, *Maxwell Glove Manufacturing Bhd*, dan *Supermax Glove Manufacturing*), *Sime Darby Plantation Bhd*, dan *FGV Holdings Bhd*.

Bagaimanapun, pada 11 Februari lalu, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) AS mendapati ada perkembangan menggalakkan dalam kalangan pengeluar Malaysia berikutan pengeluaran Perintah Pelepasan Penahanan (WRO) terhadap beberapa syarikat kerana dakwaan buruh paksa.

Sementara itu, pada 26 April lalu, *Sime Darby Plantation Bhd* dilapor akan mengemukakan laporan kepada CBP AS tidak lama lagi bagi menamatkan krisis sekatan ke atas produk syarikat perladangan itu sejak setahun setengah lalu.